

FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQ) FOR CONVERSION OF ISLAMIC SAVINGS ACCOUNT FROM QARD CONTRACT TO TAWARRUQ CONCEPT

| | |
|-----------|---|
| 1. | What is this conversion all about? |
| | This is a conversion of the existing Islamic savings account based on Qard contract to Tawarruq concept (Commodity Murabahah). |
| 2. | When does this conversion take place? |
| | The conversion will take effect on 01 March 2021. |
| 3. | What are the products affected in this conversion exercise? |
| | <p>Below are the list of Islamic savings accounts which are included in the conversion:</p> <ul style="list-style-type: none"> • BSN GIRO-i* • BSN GIRO-i Company Account • BSN GIRO-i eSaver • BSN Basic Savings-i <p><i>*Notes: Including all schemes such as BSN MyFirst, BSN Smart Junior (BSJ) and Skim Galakan Simpanan Pelajar (SGSP).</i></p> |
| 4. | What is the objective of the conversion exercise? |
| | This is an initiative by the Bank to provide our customers with better deposit products. The Bank adopted Tawarruq concept as this concept allows you to enjoy guaranteed profit on the amount deposited with the Bank. Previously, under Qard contract, Hibah (if any) is subject to Bank's discretion. |
| 5. | What is the new Shariah concept following the conversion? |
| | <p>The Shariah concept used is Tawarruq (Commodity Murabahah) where a Tawarruq consists of two sale and purchase contracts. The first involves the sale of an asset by a seller to a purchaser on a deferred basis. Subsequently, the purchaser of the first sale will sell the same asset to a third party on a cash and spot basis.</p> <p>The Tawarruq concept also involve Wakalah contract (Agency contract) which adopts a 'dual-agency' arrangement which involves the followings:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) The appointment of the Bank who acts as an agent to buy the commodity on behalf of the Customers from a third party. ii) The appointment of the Bank who acts as an agent on behalf of the Customers to conclude the selling of the commodity to the Bank on Murabahah basis. |
| 6. | What do I need to do for this exercise? |
| | There is no action required on your part and you are able to continue to enjoy a seamless banking experience. |
| 7. | What about my account number? |
| | Your account number will remain unchanged, all existing mandates pertaining to the operations of your account shall remain effective in force unless and until amended or revoked by you. |
| 8. | Would there be any changes in the product features/ services attached to the affected products? |
| | No, the product features (including fees and charges) and all services that you currently enjoy shall remain unchanged. |
| 9. | Do I need to sign new agreement with the Bank for this conversion? |
| | No. By maintaining your deposit with us after the conversion, you would have deemed to have given your consent and agreement to the conversion exercise and also appointed the Bank as an agent to execute and do all acts for the purchase and sale of the assets in accordance with Terms and Conditions under the Tawarruq concept as agreed between bank and you. |

| | |
|------------|---|
| 10. | Does my account under Tawarruq concept will be guaranteed by Government of Malaysia? |
| | Yes. You will continue to enjoy the guarantee from Government of Malaysia. |
| 11. | During conversion, can I still perform transaction Over-the-counter (OTC) or via Automated Teller Machine (ATM) / Cash Deposit Machine (CDM) / Cheque Deposit Machine (CDM)? |
| | Yes. |
| 12. | Where can I refer to for the profit rates of these product? |
| | Profit rates for these products will be published on the Bank website at www.bsn.com.my and will be displayed at our branches. |
| 13. | How will the Bank pay the profit? |
| | The profit will be credited annually in your account. |
| 14. | Do I have any other options if I do not wish to convert my existing account? |
| | At the moment, the Bank does not offer any other Islamic savings account based on other Shariah concept apart from Tawarruq. Please note that the product under Tawarruq concept is similar to the product that are currently subscribing. In addition, this conversion is done for you without any additional charges, you will receive fixed profit rate which will be made known to you upfront upon conversion. |
| 15. | What should I do if I disagree with this conversion? |
| | Kindly visit our nearest branches within 21 days from the date of the conversion notice for next action. |
| 16. | I need more information regarding this conversion. What should I do? |
| | Kindly visit the Bank website, www.bsn.com.my for further details. Alternatively, you may contact our BSN Contact Centre at 1300-88-1900. |

SOALAN LAZIM BAGI PENUKARAN PRODUK SIMPANAN ISLAMIK BERASASKAN KONTRAK QARD KEPADA KONSEP TAWARRUQ

| | |
|-----------|--|
| 1. | Apakah maksud penukaran ini? |
| | Penukaran ini adalah penukaran akaun simpanan Islamik sedia ada yang berdasarkan kontrak Qard kepada konsep Tawarruq (Murabahah Komoditi). |
| 2. | Bilakah penukaran ini akan dilakukan? |
| | Penukaran ini akan dilakukan pada tarikh kuat kuasa 01 Mac 2021. |
| 3. | Apakah produk yang terlibat dalam penukaran ini? |
| | <p>Berikut adalah produk yang terlibat dalam penukaran ini:</p> <ul style="list-style-type: none"> • BSN GIRO-i* • BSN GIRO-i Akaun Syarikat • BSN GIRO-i eSaver • BSN Basic Savings-i <p>*Nota: Termasuk semua skim BSN MyFirst, BSN Smart Junior (BSJ) dan Skim Galakan Simpanan Pelajar (SGSP).</p> |
| 4. | Apakah objektif pelaksanaan penukaran ini? |
| | Penukaran ini merupakan inisiatif Bank untuk menyediakan produk deposit yang lebih baik kepada Pelanggan kami. Pihak Bank menggunakan konsep Tawarruq kerana ia membenarkan anda menikmati keuntungan yang terjamin ke atas deposit anda bersama Bank. Sebelum ini, di bawah kontrak Qard pemberian Hibah (sekiranya ada) adalah tertakluk kepada budi bicara Bank. |
| 5. | Apakah konsep Syariah yang baharu selepas penukaran ini? |
| | <p>Konsep Syariah yang diguna pakai adalah Tawarruq (Murabahah Komoditi) yang melibatkan dua kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tangguh. Seterusnya, pembeli bagi urus niaga penjualan yang pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan lani (spot).</p> <p>Konsep Tawarruq ini juga melibatkan kontrak Wakalah (kontrak Perwakilan) dengan menggunakan struktur 'dual agency' yang merangkumi:</p> <ol style="list-style-type: none"> Pelantikan Bank sebagai wakil Pelanggan untuk membeli komoditi daripada pihak ketiga. Pelantikan Bank sebagai wakil Pelanggan untuk menyempurnakan penjualan komoditi secara Murabahah kepada Bank. |
| 6. | Apakah yang perlu saya lakukan bagi penukaran ini? |
| | Anda tidak perlu melakukan apa-apa bagi penukaran ini dan anda boleh terus menikmati pengalaman perbankan yang lancar. |
| 7. | Bagaimanakah dengan nombor akaun saya? |
| | Tiada perubahan terhadap nombor akaun anda, semua mandat sedia ada berkaitan pengendalian akaun simpanan Islamik anda akan kekal berkuat kuasa sehingga ia dipinda atau dibatalkan oleh pihak anda. |
| 8. | Adakah terdapat perubahan pada ciri-ciri produk / perkhidmatan sedia ada yang terlibat? |
| | Tidak, ciri-ciri produk (termasuk fi dan caj) dan kesemua perkhidmatan sedia ada yang anda sedang nikmati adalah kekal tanpa sebarang perubahan. |
| 9. | Adakah saya perlu menandatangani perjanjian baharu dengan pihak Bank untuk penukaran ini? |
| | Tidak. Dengan mengekalkan deposit anda selepas penukaran ini dengan kami, anda telah dianggap memberi kebenaran dan persetujuan bagi penukaran dan juga telah melantik pihak Bank sebagai ejen anda untuk melaksanakan serta melakukan segala tindakan bagi tujuan |

| | |
|------------|---|
| | pembelian dan penjualan aset mengikut Terma dan Syarat di bawah konsep Tawarruq seperti yang dipersetujui antara bank dan anda. |
| 10. | Adakah akaun saya yang di bawah konsep Tawarruq akan terus dijamin oleh Kerajaan Malaysia? |
| | Ya. Anda akan terus menikmati jaminan dari Kerajaan Malaysia. |
| 11. | Semasa penukaran, adakah saya masih boleh untuk melakukan transaksi di Kaunter atau melalui Mesin Juruwang Automatik (ATM) / Mesin Deposit Tunai (CDM)? |
| | Ya. |
| 12. | Dimanakah saya boleh merujuk kadar keuntungan produk ini? |
| | Kadar keuntungan untuk produk ini akan dipaparkan pada laman sesawang bank www.bsn.com.my dan di cawangan kami. |
| 13. | Bagaimanakah Bank membayar keuntungan? |
| | Keuntungan akan dikreditkan ke dalam akaun anda secara tahunan. |
| 14. | Adakah saya mempunyai pilihan lain sekiranya saya tidak berhasrat untuk penukaran akaun sedia ada saya? |
| | Buat masa ini, Bank tidak menawarkan akaun simpanan Islamik berdasarkan konsep Syariah yang lain selain dari konsep Tawarruq. Sila ambil maklum bahawa produk di bawah konsep Tawarruq ini adalah sama seperti produk yang anda miliki. Di samping itu, penukaran ini dilakukan untuk anda tanpa sebarang caj, anda akan memperolehi kadar keuntungan tetap yang akan diketahui secara awal semasa penukaran. |
| 15. | Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya tidak bersetuju dengan penukaran ini? |
| | Sila kunjungi cawangan yang berdekatan dalam tempoh 21 hari dari tarikh notis penukaran untuk tindakan selanjutnya. |
| 16. | Saya ingin mengetahui maklumat lanjut berkenaan penukaran ini. Apakah yang perlu saya lakukan? |
| | Sila layari laman sesawang Bank, www.bsn.com.my untuk keterangan lanjut. Sila hubungi Pusat Hubungan Pelanggan BSN melalui talian 1300-88-1900. |